



pembangunan yang seimbang dalam masyarakat kita.

7. Dalam era pembangunan teknologi maklumat khususnya 'multimedia super corridor' yang sedang diusahakan oleh Kerajaan, wanita Islam sewajarnya memahami dan mengikuti semua aspek yang berkaitan dengannya supaya mereka dapat memainkan peranan yang relevan. Wanita Islam boleh menyumbang kepada usaha negara untuk menggalakkan perkembangan teknologi maklumat ini dalam menghadapi perkembangan dunia moden pada masa ini. Kita harus menggalakkan anak-anak memahami perkembangan-perkembangan baru dalam bidang teknologi maklumat ini supaya kita tidak ketinggalan dalam arus pembangunan.

8. Dalam masa yang sama kita perlu bergerak ke arah memperbanyakkan wanita Islam melibatkan diri dalam dunia niaga. Kita perlu tangkas di bumi kita sendiri, dan perlu segera membina 'networking' dengan dunia perniagaan di peringkat antarabangsa. Saidatina Khadijah tidak hanya memberikan tumpuannya kepada perniagaan di kota Mekah malah menghantarkan delegasi demi delegasi ke daerah-daerah lain pada zamannya. Ini menjadi bukti bahawa wanita Islam hari ini perlu menyaingi kekuatan dan kelebihan yang sama atas landasan persaingan yang adil dan sama rata. Kita yakin jika ini dapat dilakukan generasi muda kita akan lebih berminat menceburi dunia niaga dan seterusnya dapat bersama-sama mengecapi 'kek' ekonomi dunia. Konsep kedua-dua belah tangan ibu dapat menggegarkan dunia mestilah ditafsiri sejajar dengan keperluan dan tuntutan baru dunia moden khususnya dalam dunia perniagaan di peringkat global.

9. Penubuhan Yayasan Wanita Islam ini tepat dengan matlamatnya untuk memperjuangkan syiar Islam. Penubuhan Yayasan ini dalam suasana masyarakat yang bergerak pantas dapat membantu menggilap potensi individu untuk mengejar kecemerlangan dalam pembangunan ekonomi negara yang pesat ini selaras dengan tuntutan agama kita. Ini adalah satu usaha yang terpuji, kerana kita perlu berpegang teguh kepada prinsip-prinsip murni Islam. Kita harus menyemaikan unsur-unsur yang boleh menegakkan masyarakat yang penyayang, beretika dan bermoral tinggi.

10. Justeru itu saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada mereka yang telah mengusaha dan menjayakan penubuhan Yayasan Wanita Islam ini. Saya berharap Yayasan ini akan berusaha untuk mengangkat imej dan martabat wanita Islam sejajar dengan apa yang dituntut oleh Islam.

11. Saya juga berharap semoga penubuhan Yayasan ini akan dapat menggerakkan tenaga ahli-ahlinya untuk memberikan imej yang baik dalam usahanya membantu wanita-wanita Islam di negara ini.

12. Saya percaya matlamat penubuhan Yayasan ini untuk bekerjasama demi membina martabat dan jatidiri dengan pertubuhan-pertubuhan wanita lain akan tercapai. Saya diberitahu bahawa YATI bercadang untuk melantik golongan lelaki untuk menjadi anggota majlis perundingnya dan ini membuktikan Yayasan ini mengambil sikap saling lengkap-melengkapi antara lelaki dan wanita sebagaimana dituntut al-

Quran. Ini adalah satu langkah yang bijak dan saya yakin kaum lelaki mampu membantu dengan memberi idea-idea yang bernas dari perspektif yang berlainan.

13. Melalui penggemblengan fikiran dan tenaga pelbagai pihak, adalah diharapkan wanita Islam Malaysia akan dapat membentuk identiti wanita Islam yang unggul untuk diteladani oleh masyarakat seluruh dunia.

14. Dengan ucapan ini, saya dengan lafaz Bismillahir rahmanir rahim merasmikan penubuhan Yayasan Wanita Islam atau YATI.

Wabillahitaufik walhidayah wassalamualikum warahmatullahi wabarakatuh.